

12 AUG 1996

Agong - Myanmar (Gambar)

TUANKU JA'AFAR: TINGKATKAN USAHA MEMPELBAGAIKAN PERDAGANGAN DUA HALA

KUALA LUMPUR, 12 Ogos (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar bertitah usaha lebih gigih perlu dibuat untuk mempelbagaikan perdagangan dua hala dan meningkatkan perdagangan terus antara Malaysia dan Myanmar.

Baginda bertitah walaupun jumlah perdagangan masih kecil, peningkatannya daripada RM231.6 juta pada 1991 kepada RM683.5 juta pada 1995 adalah menggalakkan.

"Pelaburan Malaysia juga telah menunjukkan perkembangan yang menggalakkan sejak tiga tahun lepas. Dengan pelaburan berjumlah AS\$227.27 juta (RM568.175) juta, Malaysia hari ini merupakan pelabur keenam terbesar di Myanmar," tambah Seri Paduka.

Tuanku Ja'afar bertitah di jamuan negara sempena lawatan Pengerusi Majlis Pemulihan Undang-undang dan Ketenteraman Negara Kesatuan Myanmar (SLORC), Jen Than Shwe di Istana Negara, malam ini.

Titah Seri Paduka kerajaan akan terus menggalakkan sektor swasta Malaysia mengambil bahagian dalam pelbagai pameran dan pesta perdagangan yang diadakan di Myanmar.

Badan-badan sektor swasta seperti Persatuan Selatan-Selatan Malaysia (MASSA) dan Perbadanan Selatan-Selatan Malaysia (MASSXORP) menjadi nadi penggerak kepada daya usaha berkenaan, titah Tuanku Ja'afar.

"Bagi kerajaan, langkah-langkah akan diambil untuk meningkatkan rangka kerja kerjasama dua hala".

Seri Paduka bertitah sebagai anggota ASEAN, Malaysia menyambut baik penyertaan aktif Myanmar dalam meningkatkan kerjasama serantau.

Status pemerhati yang diberikan kepada Myanmar di Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN ke-29 di Jakarta baru-baru ini akan membuka laluan kepada keanggotaan awal Myanmar dalam ASEAN, titah baginda.

Tuanku Ja'afar juga berkata Malaysia menyokong keanggotaan Myanmar dalam ASEAN dan bersedia membantu negara itu dalam membuat persiapan yang diperlukan.

"Adalah membanggakan bahawa kedudukan ASEAN dapat diperkukuhkan lagi dengan integrasi dan pengukuhan ekonomi kesemua negara di Asia Tenggara," tambah Seri Paduka.

Dalam ucapannya, Jen Than berkata Myanmar adalah komited untuk bekerjasama rapat dengan ASEAN dan negara-negara di rantau ini.

Katanya, dengan status pemerhati yang diberikan kepada Myanmar, kesemua 10 buah negara Asia Tenggara telah mengesahkan komitmen mereka kepada konsep satu Asia Tenggara.

"Kami yakin dengan suburnya semangat setiakawan, rantau kita dapat memainkan peranan lebih penting ke arah keamanan, keselamatan dan kemakmuran dunia," kata Jen Than.

Beliau juga berkata setelah Myanmar menukarkan sistem ekonominya dengan memperkenalkan ekonomi pasaran dengan penyertaan luas sektor swasta, kini wujud pelbagai bentuk peluang perniagaan bagi pelabur tempatan dan asing di negara itu.

"Saya percaya dengan kepakaran dan teknologi dari Malaysia, disokong pula oleh sumber-sumber asli yang ada di Myanmar, peluang-peluang ini dapat diterokai untuk faedah bersama kedua-dua negara dan rakyatnya," katanya.

Turut hadir ialah Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.-- BERNAMA

HAK OBA

